

## PROJEK INDIVIDU

### Keperluan

Syarikat ABC telah membangunkan sistem pengurusan aduan yang dinamakan HESK System. Sistem ini dibangunkan bagi menggantikan sistem sedia ada yang tidak lagi efektif dan beberapa perkhidmatan masih dilakukan secara manual.

Sistem ini akan mula digunakan oleh semua pelanggan syarikat ABC mulai 1 Januari 2021. Sistem ini telah melepasi fasa UAT dan juga telah melepasi ujian penembusan (*penetration test*). Sistem ini telah berada di persekitaran sebenar (*production environment*) tetapi belum dibuka kepada capaian luar.

Pengurusan Syarikat ABC telah membuat keputusan untuk melaksanakan pengujian prestasi kepada sistem berkenaan sebelum dibuka untuk digunakan oleh pelanggan. Ini adalah untuk memastikan sistem, perkakasan dan perisian HESK system tidak mengalami gangguan apabila dibuka kepada orang ramai.

Syarikat ABC telah melantik pasukan UMP untuk melakukan pengujian prestasi sistem. Syarikat ABC telah berkongsi dengan pasukan UMP beberapa perkara berikut:

- 1) Bilangan pengguna sistem sedia ada adalah berjumlah 5,000 pengguna
- 2) Masa tindak balas (*response time*) yang ditetapkan adalah kurang daripada 5 saat
- 3) Syarikat ABC menjangkakan aduan pengguna secara atas talian adalah tinggi dalam tempoh bulan pertama dilancarkan kerana pengguna terpaksa berbaris panjang untuk membuat aduan secara manual di kaunter bagi perkhidmatan yang belum dinaiktaraf

Syarikat ABC memohon cadangan daripada Pasukan UMP mengenai pelaksanaan pengujian prestasi berkenaan.